


## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.11 HINGGA NO. 59 )**

*23 MAC 2017*

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]**

**TARIKH : 23.3.2017**

**SOALAN :**

**Ir. Shaharuddin Bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah yang sedang melaksanakan projek rintis inisiatif penempatan pembantu guru yang dijalankan di Perlis buat masa ini dan dan apakah kekangan yang dihadapi Kementerian dalam memenuhi tuntutan keperluan pembantu guru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, salah satu inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) iaitu *Repositioning of Teacher's Core Duties*, di bawah sub inisiatif mengurangkan beban kerja pentadbiran guru juga dikenali sebagai Program Pemantapan Profesion Guru (PPG), sejumlah 421 Pembantu Guru telah dilantik secara Pekerja Sambilan Harian (PSH) di sekolah-sekolah terlibat seluruh negeri Melaka dan Kedah sahaja. Perancangan peluasan program NBOS – PPG kepada negeri lain termasuk negeri Perlis adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat.